



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	02.12.22	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	JMG		

14 | NASIONAL

JUMAAT 2 DISEMBER 2022 • SINAR HARIAN

Seramai 47 penghuni di 12 unit rumah di Taman Bukit Berlian, Seremban dinasihatkan berpindah

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
SEREMBAN

Seramai 47 penghuni di 12 unit rumah di Taman Bukit Berlian di sini dinasihatkan untuk mengosongkan kediaman mereka selepas berlaku kejadian tanah runtuh pada Khamis.

Kejadian pada jam 2.50 pagi itu menyebabkan tiga buah kenderaan milik sebuah keluarga iaitu jenis Kia Forte, Honda City dan Toyota Avanza terjatuh ke dalam cerun yang runtuh.

Penduduk, Jessica Lee, 28, berkata, ketika kejadian, dia serta lapan ahli keluarga termasuk datuk dan nenek sedang nyenyak tidur.

"Saya terjaga daripada tidur bila terdengar jiran menjerit beritahu berlaku tanah runtuh di hadapan rumah.

"Bila keluar, saya tengok kereta Kia Forte, Honda City dan Toyota Avanza milik ahli keluarga yang diparkir di hadapan rumah jatuh ke dalam cerun yang runtuh," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.



Tiga buah kereta yang terjatuh ke dalam cerun akibat tanah runtuh.

Menurutnya, kejadian tanah runtuh itu kali pertama berlaku dan ia berkemungkinan terjadi disebabkan hujan lebat pada petang Rabu.

Jessica berkata, bimbang kejadian lebih buruk berlaku, dia sekeluarga membuat keputusan untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) yang akan disediakan kerajaan negeri.

"Nak terus tinggal di sini pun risau. Kami semua tak dapat tidur bila tahu kejadian ini, ditambah pula dengan keadaan cuaca tidak menentu sekarang," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seremban, Mohammad Idris berkata, selain berlaku tanah runtuh di cerun sedalam kira-kira 10 meter, turut berlaku rekahan jalan sepanjang 80 meter di laluan hadapan rumah penduduk.

"Pihak bomba masih melakukan tinjauan pagi ini (Khamis) dan agensi lain yang terlibat juga berada di lokasi bagi memantau serta mengenal pasti situasi pergerakan tanah yang berlaku.

"Daripada pemerhatian awal, enam rumah mungkin terjejas dan berisiko tetapi bagi meng-



Keadaan rekahan pada jalan akibat kejadian tanah runtuh yang berlaku.

elak kejadian tidak diingini, kita nasihatkan kesemua penghuni di 12 buah rumah di Lorong 5 taman berkenaan untuk berpindah sementara," katanya.

Jelasnya, dengan keadaan cuaca tidak menentu kebelakangan ini dibimbangi akan berlaku pergerakan tanah.

Sementara itu, Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong berkata, Kerajaan Negeri Sembilan bercadang menyediakan kemudahan rumah inap desa kepada penduduk

Taman Bukit Berlian yang terjejas akibat kejadian tersebut.

"Ia sebagai langkah jangka panjang demi keselamatan penduduk sementara kerja pembaikan cerun dilakukan," katanya.

Selain itu, Kok Seong berkata, pihaknya akan berusaha mendapatkan peruntukan kecemasan untuk membaik pulih kesan runtuh yang berlaku dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, katanya, penduduk diharapkan dapat memahami kerana kerja-kerja pembaikan akan mengambil masa untuk disiapkan.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSA Malaysia



KeTSA Malaysia



ketsa.malaysia